

## AMALAN DAN STRATEGI PENGHAYATAN RELIGIOSITI DALAM PENDIDIKAN ORANG ASLI

*Strategies For Fostering Religiosity In Indigenous Education*

\*Sapie Sabilan<sup>1</sup>, Haslina Hamzah<sup>1</sup>, Siti Haswa Niza Abdullah<sup>1</sup>, Kamarulnizam Sani<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Fakulti Pendidikan  
Universiti Islam Selangor (UIS)  
Bandar Seri Putra  
43000 Kajang, Selangor, Malaysia.

\*Corresponding author's email: [sapie@uis.edu.my](mailto:sapie@uis.edu.my)

<b>Submitted:</b> 22-Sep-2025	<b>Accepted:</b> 03-Nov-2025	<b>Revised:</b> 19-Dec-2025	<b>Published:</b> 30-Dec-2025
----------------------------------	---------------------------------	--------------------------------	----------------------------------

### Abstrak

Kajian ini bertujuan menganalisis tahap amalan religiositi dalam kalangan pelajar Orang Asli di sebuah sekolah menengah di negeri Perak. Fokus utama kajian adalah menganalisis amalan religiositi dalam aspek akidah, ibadah dan akhlak serta mengenalpasti hubungan yang wujud antara pengetahuan dengan amalan religiositi tersebut. Melalui data tersebut, dapat mencadangkan beberapa strategi penghayatan religiositi untuk diamalkan dalam pendidikan Orang Asli. Dengan menggunakan pendekatan kuantitatif, kajian ini melibatkan 57 orang responden dalam kalangan pelajar Orang Asli tingkatan 4 dan 5. Data dikumpul melalui soal selidik yang mengukur tahap pengetahuan, kemahiran, sikap serta amalan dalam aspek akidah, ibadah dan akhlak. Analisis statistik deskriptif dan inferensi digunakan untuk mengkaji tahap dan hubungan antara pemboleh ubah. Dapatan kajian menunjukkan bahawa responden mencatatkan tahap pengetahuan religiositi yang tinggi, terutamanya dalam aspek asas kepercayaan kepada Allah dan Rukun Iman. Walau bagaimanapun, terdapat jurang yang ketara antara pengetahuan dan pengamalan, khususnya dalam dimensi ibadah dan akhlak. Analisis korelasi mendedahkan hubungan positif yang signifikan antara pengetahuan dengan kemahiran, sikap, akidah, ibadah dan akhlak. Kajian ini mengenal pasti tahap dan hubungan pengetahuan dengan amalan religiositi pelajar Orang Asli serta menilai strategi pengajaran Pendidikan Islam yang berkesan bagi meningkatkan penghayatan religiositi. Implikasi kajian mencadangkan perlunya program pendidikan agama yang lebih inklusif, mengambil kira latar belakang dan keperluan khusus pelajar Orang Asli. Kesimpulannya, kajian ini memberikan perspektif mendalam tentang penghayatan religiositi dalam kalangan pelajar Orang Asli, dengan menekankan kepentingan pendekatan holistik yang menyepadukan pengetahuan, sikap dan amalan dalam pendidikan agama. Ia juga mencadangkan strategi untuk mengatasi jurang antara pemahaman konseptual dan pengamalan praktis ajaran Islam.

**Kata kunci:** Religiositi, Pendidikan Orang Asli, Amalan Keagamaan, Pendekatan Kontekstual dan Inklusif, Sosio-budaya

### Abstract

This study aims to analyze the level of religiosity practices among Orang Asli students at a secondary school in the state of Perak. The primary focus of the study is to examine religiosity practices in the aspects of creed (aqidah), worship (ibadah), and moral conduct (akhlak), as well as to identify the relationship between knowledge and these religiosity practices. Based on the data, several strategies for enhancing religiosity in Orang Asli education can be proposed. Using a quantitative approach, the study involved 57 respondents among Orang Asli

*students in Forms 4 and 5. Data were collected through a questionnaire measuring the levels of knowledge, skills, attitudes, and practices in the aspects of aqidah, ibadah, and akhlak. Descriptive and inferential statistical analyses were employed to examine the levels and relationships between the variables. The findings indicate that respondents demonstrated a high level of religious knowledge, particularly regarding basic beliefs in Allah and the Pillars of Faith. However, a significant gap was observed between knowledge and practice, especially in the dimensions of ibadah and akhlak. Correlation analysis revealed a significant positive relationship between knowledge and skills, attitudes, aqidah, ibadah, and akhlak. This study identifies the levels and relationships between knowledge and religiosity practices of Orang Asli students and evaluates effective Islamic education teaching strategies to enhance religiosity. The implications of the study suggest the need for more inclusive religious education programs that take into account the specific backgrounds and needs of Orang Asli students. In conclusion, this study provides an in-depth perspective on religiosity among Orang Asli students, emphasizing the importance of a holistic approach that integrates knowledge, attitudes, and practices in religious education. It also proposes strategies to bridge the gap between conceptual understanding and practical application of Islamic teachings.*

**Keywords:** Religiosity, Indigenous Education, Religious Practice, Contextual and Inclusive Approach, Socio-Cultural

## 1.0 PENDAHULUAN

Orang Asli merupakan penduduk asal Semenanjung Malaysia yang terdiri daripada tiga kumpulan etnik utama, iaitu Negrito, Senoi dan Proto-Melayu. Mereka kebanyakannya menetap di kawasan pedalaman dan luar bandar serta menjalankan aktiviti tradisional seperti pertanian, perikanan, pemburuan dan pengumpulan hasil hutan. Walaupun merupakan sebahagian kecil daripada populasi Malaysia, masyarakat Orang Asli masih berdepan pelbagai cabaran, terutamanya dalam bidang pendidikan. Peningkatan kesedaran terhadap kepentingan pendidikan dalam kalangan masyarakat Orang Asli dapat dilihat sejak beberapa dekad lalu (Intan Waheedah Othman, 2022). Namun, mereka masih berhadapan dengan pelbagai kekangan seperti kedudukan geografi yang terpencil, kekurangan infrastruktur asas serta tahap pendidikan ibu bapa yang rendah. Kajian menunjukkan kadar keciciran dalam kalangan pelajar Orang Asli masih tinggi, dan hanya segelintir yang berjaya menamatkan pendidikan menengah (Nordiana Daud & Mohd Syaubari Othman, 2025).

Dalam konteks pendidikan Islam, penghayatan religiositi merujuk kepada amalan dan pelaksanaan ajaran agama dalam kehidupan seharian, seperti menunaikan solat, membaca al-Quran, menghadiri kelas agama serta menyertai aktiviti keagamaan di sekolah dan komuniti. Penghayatan ini dipengaruhi oleh pelbagai faktor seperti sokongan keluarga, suasana persekitaran sekolah, dan program dakwah yang dilaksanakan oleh pihak berkuasa agama (Khairul Hamimah Mohd Jodi, 2024). Oleh itu, pendidikan Islam dalam kalangan pelajar Orang Asli memerlukan pendekatan yang lebih kontekstual dan inklusif, yang mengambil kira latar sosio-budaya serta cabaran persekitaran setempat. Pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam tidak seharusnya berfokus kepada penghafalan fakta semata-mata, sebaliknya perlu menggalakkan pelajar berfikir secara kritis dan reflektif terhadap isi kandungan yang dipelajari, selari dengan perubahan semasa dan perkembangan teknologi (Nursafra Mohd Zhaffar et al., 2025). Pendekatan pengajaran yang berimbang antara orientasi guru dan pelajar dapat membentuk pelajar yang aktif, kreatif dan yakin diri. Pendekatan ini juga seiring dengan Falsafah

Pendidikan Islam dan Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang menekankan pembangunan insan secara menyeluruh merangkumi aspek jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial (Nur Bakri Abd Hamid & Naufal Ahmad Rajalul Alam, 2022)

Dalam sistem pentaksiran semasa, nilai religiositi dalam Pendidikan Islam dinilai melalui Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) yang menggunakan Tafsiran Band Tahap Penguasaan Pelajar (TP), merangkumi enam tahap penguasaan dari pengetahuan asas hingga aplikasi dalam konteks sebenar. Sehubungan itu, kajian ini dijalankan untuk meneliti tahap pengetahuan dan amalan religiositi dalam kalangan pelajar Orang Asli di sebuah sekolah menengah di negeri Perak. Kajian turut mengenal pasti hubungan antara pengetahuan dan pengamalan religiositi dalam dimensi akidah, ibadah dan akhlak (Aemy Liza Minhat & Kamarul Azmi Jasmi, 2023). Penekanan terhadap penghayatan religiositi ini penting kerana ia menyumbang kepada pembentukan sahsiah pelajar yang seimbang serta kesejahteraan hidup masa depan.

Jurang kajian kelihatan sangat ketara dalam kajian ini iaitu kajian secara empirikal tentang tahap amalan religiositi pelajar Orang Asli dalam konteks Pendidikan Islam masih terhad (Nordiana Daud & Mohd Syaubari Othman, 2025) walaupun kajian berkaitan pendidikan Orang Asli banyak menumpukan isu akses, keciciran dan pencapaian akademik. Selain itu, hubungan antara pengetahuan dan pengamalan religiositi dalam dimensi akidah, ibadah dan akhlak juga kurang diterokai secara menyeluruh (Aemy Liza Minhat & Kamarul Azmi Jasmi, 2023). Di samping itu, walaupun keperluan pendekatan pengajaran Pendidikan Islam secara kontekstual dan inklusif sering ditekankan, kajian yang menilai keberkesanan strategi pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam bagi meningkatkan penghayatan religiositi pelajar Orang Asli secara holistik masih kurang diketengahkan (Khairul Hamimah Mohd Jodi, 2024). Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti tahap amalan religiositi, menganalisis hubungan antara pengetahuan dan amalan religiositi dan menilai strategi pengajaran Pendidikan Islam yang berkesan dalam meningkatkan penghayatan religiositi pelajar Orang Asli.

## 2.0 PERMASALAHAN KAJIAN

Guru Pendidikan Islam berdepan pelbagai cabaran dalam melaksanakan tanggungjawab mereka, termasuklah menangani masalah disiplin pelajar dan persepsi negatif terhadap subjek Pendidikan Islam. Dalam kalangan pelajar Orang Asli, tahap pengetahuan religiositi sering kali rendah akibat kurang pendedahan kepada pendidikan agama formal, kekurangan bahan pembelajaran dan sokongan keluarga serta komuniti (Wan Nor Hana Wan Ismail et al., 2024; Zurina Mustaffa et al., 2021). Bagi pelajar yang tinggal di kawasan pedalaman, kekangan ini bertambah dengan akses terhad kepada guru agama berkelayakan. Walaupun sebahagian pelajar memiliki asas pengetahuan tentang amalan seperti solat dan membaca al-Quran, pelaksanaan amalan ini dalam kehidupan seharian masih rendah. Faktor seperti kurang motivasi, pengaruh rakan sebaya dan ketiadaan bimbingan berterusan turut menyumbang kepada kelemahan dalam pengamalan religiositi (Zuraidah Siti Nafsiah Mohd Shahril Nizam & Muhammad Faizal, 2019). Dalam konteks pengajaran, kelemahan pelaksanaan aktiviti Pendidikan Islam di sekolah berpunca daripada pengurusan yang lemah, kekurangan sokongan warga sekolah, perancangan program yang tidak menarik serta kaedah pengajaran yang kurang berkesan. Hal ini menyebabkan pelajar kurang berminat terhadap subjek Pendidikan Islam dan tidak terdorong menyertai aktiviti berkaitan (Aswansyah & Supian Hadi, 2024).

Kajian menunjukkan wujud hubungan signifikan antara tahap pengetahuan dan amalan religiositi, iaitu pelajar yang lebih memahami ajaran agama lebih cenderung mengamalkannya secara konsisten (Nazneen Ismail et al., 2019). Walau bagaimanapun, pengetahuan sahaja tidak mencukupi tanpa bimbingan berterusan. Program dakwah dan pendidikan agama yang berkesan mampu meningkatkan kedua-dua aspek ini dalam kalangan pelajar Orang Asli. Oleh itu, sokongan menyeluruh daripada warga sekolah amat penting dalam melahirkan pelajar yang berjiwa Islam dan pendekatan dakwah perlu dipelbagaikan agar sesuai dengan keperluan pelajar. Kecenderungan terhadap nilai religiositi yang kukuh dalam kehidupan pelajar bukan sahaja memberi kesan kepada sahsiah, malah berupaya menyumbang kepada peningkatan prestasi akademik dan kesejahteraan hidup secara keseluruhan (Zulkefli Aini & Nor Izzatul Husna Burhan, 2023). Justeru, kajian ini memberi tumpuan kepada strategi penghayatan religiositi dalam kalangan pelajar Orang Asli melalui pembelajaran Pendidikan Islam di sekolah menengah di negeri Perak.

### **3.0 TUJUAN, OBJEKTIF DAN PERSOALAN KAJIAN**

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap amalan religiositi dalam kalangan pelajar orang asli dan menganalisis hubungan antara pengetahuan dan amalan religiositi dalam kalangan pelajar orang asli. Seterusnya mencadangkan strategi yang berkesan dalam meningkatkan penghayatan religiositi dalam kalangan pelajar Orang Asli melalui pendidikan Islam di sekolah menengah secara holistik dan kontekstual. Objektiviti dan persoalan kajian adalah seperti berikut;

#### **3.1 Objektif Kajian**

- a) Mengetahui tahap amalan religiositi dan menganalisis hubungan antara pengetahuan dan amalan religiositi dalam kalangan pelajar orang asli.
- b) Mencadangkan strategi pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam yang berkesan untuk meningkatkan penghayatan religiositi secara holistik dan kontekstual

#### **3.2 Persoalan Kajian**

- a) Apakah tahap amalan religiositi dan menganalisis hubungan antara pengetahuan dan amalan religiositi dalam kalangan pelajar-pelajar orang asli.
- b) Bagaimanakah strategi pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam yang berkesan untuk meningkatkan penghayatan religiositi secara holistik dan kontekstual

### **4.0 METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini menggunakan reka bentuk kuantitatif dengan kaedah deskriptif tinjauan. Reka bentuk ini membolehkan pengumpulan data secara sistematik melalui soal selidik bagi menganalisis tahap pengetahuan dan amalan religiositi serta hubungan antara pemboleh ubah yang dikaji. Pendekatan ini bersesuaian kerana ia membolehkan dapatan dianalisis secara numerik dan tepat (Neuman, 2014; Sabitha Marican, 2006). Populasi kajian terdiri daripada para pelajar Orang Asli tingkatan 3 dan 4 SMK di daerah Sungai Siput, Perak. Penentuan sampel dibuat berdasarkan saiz

populasi yang diketahui menggunakan rujukan Krejcie dan Morgan (1970). Kaedah persampelan bertujuan (purposive sampling) digunakan bagi mendapatkan responden yang memenuhi kriteria kajian (Ahmad Munawar Ismail, 2009). Seramai 57 orang pelajar dipilih, mewakili 71.25% populasi. Kriteria responden adalah beragama Islam, anak Orang Asli, belajar subjek Pendidikan Islam dan mendapat kebenaran ibu bapa atau penjaga.

Pengumpulan data dilakukan selepas mendapat kebenaran daripada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Kementerian Pendidikan Malaysia dan sekolah terlibat. Soal selidik diedarkan secara bersemuka dengan taklimat ringkas kepada responden. Kaedah soal selidik dipilih kerana efisien dan mudah ditadbir (Creswell, 2014). Instrumen kajian bagi tahap pengetahuan dan amalan religiositi menunjukkan kebolehpercayaan yang sangat baik dengan nilai alpha keseluruhan antara 0.902 hingga 0.943. Data dianalisis menggunakan perisian SPSS versi 29.0 secara statistik deskriptif – kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawai (Field et al., 2013). Tahap dimensi dinilai berdasarkan julat min iaitu min 1.00-2.00 (rendah), min 2.01-3.00 (sederhana rendah), min 3.01-4.00 (tinggi), dan min 4.01-5.00 (sangat tinggi). Analisis inferensi kajian ini menggunakan kaedah korelasi Pearson untuk mengenal pasti hubungan antara tahap pengetahuan dengan amalan religiositi pelajar dalam dimensi akidah, ibadah dan akhlak.

## 5.0 DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

### 5.1 Tahap Amalan Religiositi Dalam Kalangan Pelajar Orang Asli

Berdasarkan analisis yang dijalankan, tahap amalan religiositi dalam kalangan pelajar Orang Asli dinilai dari tiga aspek utama iaitu akidah, ibadah dan akhlak.

#### 1. Akidah

Dapatan kajian dalam jadual 5.1 menunjukkan bahawa responden mempunyai tahap kepercayaan dan amalan keagamaan yang tinggi, khususnya dalam aspek akidah. Item berkaitan kepercayaan kepada keesaan Allah (C1) mencatatkan min tertinggi (4.89) dengan hampir semua responden sangat bersetuju. Amalan spiritual seperti berdoa (C4, min=4.35) dan berselawat (C3, min=4.28) juga diamalkan secara meluas. Respon terhadap perasaan insaf di tanah perkuburan (C5, min=4.11) turut menunjukkan kesedaran spiritual yang baik. Namun, amalan beristighfar (C2) mencatatkan min lebih rendah (3.93) dan variasi respons yang lebih ketara, menandakan ruang untuk penambahbaikan dalam aspek ini.

Amalan religiositi dari aspek akidah dalam kalangan pelajar Orang Asli adalah sangat baik. Keputusan ini disepakati melalui tulisan Paiz Hassan et al., (2023) mendapati bahawa masyarakat minoriti Muslim di kawasan pedalaman mengekalkan asas tauhid sebagai identiti keagamaan yang tidak mudah goyah. Namun demikian, aspek amalan muhasabah (reflektif) seperti istighfar masih belum mencukupi. Pernyataan ini mengisyaratkan bahawa keyakinan kepada tauhid belum tentu dapat diterjemahkan sepenuhnya dalam disiplin diri yang berteraskan agama. Perkara ini disepakati oleh Nurul Ainie Nawawi et al., (2022); Riyanda Utari, (2021) yang menyatakan bahawa golongan remaja Muslim cenderung memahami aspek kepercayaan tetapi berdepan cabaran dalam membentuk amalan reflektif secara konsisten.

Jadual 5.1 Tahap amalan dalam Akidah

Bil	Tahap Amalan dalam Akidah	Frekuensi (Peratusan %)					Min	Sp.	Interpretasi
		STS	TS	KS	S	SS			
C1	Saya mempercayai bahawa tiada Tuhan selain Allah.	-	-	-	6 (10.5)	51 (89.5)	4.89	0.31	Sangat Tinggi
C2	Saya beristighfar setiap kali melakukan kesalahan.	1 (1.8)	3 (5.3)	13 (22.8)	22 (38.6)	18 (31.6)	3.93	0.96	Tinggi
C3	Saya menjadikan berselawat ke atas Nabi SAW sebagai zikir.	-	-	11 (19.3)	19 (33.3)	27 (47.4)	4.28	0.77	Sangat Tinggi
C4	Saya berdoa kepada Allah SWT untuk mendapatkan pedoman hidup.	-	2 (3.5)	7 (12.3)	17 (29.8)	31 (54.4)	4.35	0.83	Sangat Tinggi
C5	Saya merasa insaf ketika berada di tanah perkuburan.	-	1 (1.8)	11 (19.3)	26 (45.6)	19 (33.3)	4.11	0.77	Sangat Tinggi

## 2. Ibadah

Berdasarkan analisis data dalam jadual 5.2, menunjukkan amalan ibadah responden berada pada tahap sederhana hingga tinggi. Kesempurnaan wuduk (C6) mencatatkan min tertinggi (4.05), menunjukkan kesedaran yang baik terhadap ibadah asas. Amalan wajib seperti puasa Ramadan (C8, min=3.89) dan solat selepas baligh (C7, min=3.70) berada pada tahap tinggi, namun variasi pengamalan masih dapat dilihat. Sebaliknya, amalan pembacaan al-Quran harian (C9, min=3.14) dan ibadah sunat (C10, min=3.47) menunjukkan tahap paling rendah. Fenomena ini sejajar dengan dapatan kajian Abdul Rashid Moten & Saodah Wok, (2019 yang mendapati pelajar luar bandar cenderung menekankan amalan fardu berbanding ibadah sunat kerana kurangnya penghayatan terhadap ibadah tambahan sebagaimana amalan fardu, kekangan sokongan persekitaran dan akses sumber pembelajaran agama.

Walaupun tahap religiositi akidah responden berada pada tahap yang tinggi, namun kekuatan kepercayaan tersebut tidak sepenuhnya diterjemahkan dalam bentuk ibadah tambahan (sunat). Keadaan ini menzahirkan wujud jurang yang jelas antara kesedaran agama (religious knowledge) dengan penghayatan praktikal (religious practice). Remaja Muslim sering mempunyai kefahaman yang mantap terhadap aspek kepercayaan (akidah), tetapi masih berdepan dengan cabaran untuk mengamalkan ibadah tambahan secara konsisten. Jurang ini mungkin berpunca daripada faktor persekitaran seperti kekangan sokongan keluarga, kurangnya bimbingan berterusan daripada guru agama dan pengaruh budaya moden yang lebih menarik minat golongan remaja (Zaifuddin Md Rasip et al., 2025).

Penguasaan ibadah asas yang kukuh merupakan teras penting dalam pembentukan sahsiah pelajar. Namun, kelemahan dalam amalan tambahan (sunat) dan bacaan al-Quran harian menimbulkan ketidakseimbangan dalam perkembangan spiritual dan akhlak mereka. Al-Quran seharusnya menjadi sumber utama panduan hidup dan pembentukan akhlak. Manakala ibadah sunat berperanan sebagai mekanisme pengukuhan disiplin kerohanian dan latihan kerohanian berterusan (Sharifah Noorhidayah Syed Aziz et al., 2021). Kekurangan kedua-dua aspek ini berpotensi melemahkan keupayaan pelajar untuk membentuk self-regulation serta mengekalkan kesedaran dalaman secara konsisten.

Melalui perspektif pendidikan, kelemahan ini menuntut intervensi yang lebih sistematik dalam kurikulum agama di sekolah, termasuk pengukuhan budaya bacaan al-Quran harian dan penghayatan amalan sunat secara berperingkat. Guru Pendidikan Islam juga perlu memainkan peranan sebagai role model dengan membimbing pelajar-pelajar melalui pendekatan praktikal. Selain itu, penglibatan

keluarga dan komuniti adalah penting bagi menyediakan persekitaran yang kondusif untuk perkembangan spiritual pelajar di luar sekolah (M Sukron Djazilan & Wuri Wuryandani, 2024). Dengan pendekatan holistik ini, jurang antara ibadah asas dan ibadah tambahan dapat dirapatkan, sekali gus membentuk sahsiah yang lebih seimbang dan mantap. Kesimpulannya, responden lebih menekankan ibadah asas berbanding amalan tambahan seperti membaca al-Quran dan amalan sunat yang memerlukan pengukuhan berterusan.

Jadual 5.2 Tahap Amalan dalam Ibadah

Bil	Tahap Amalan dalam Ibadah	Frekuensi (Peratusan %)					Min	Sp.	Interpretasi
		STS	TS	KS	S	SS			
C6	Saya membasuh anggota wuduk secara sempurna ketika berwuduk.	-	2 (3.5)	12 (21.1)	24 (42.1)	19 (33.3)	4.05	0.83	Sangat Tinggi
C7	Saya mendirikan solat secara konsisten setelah mencapai umur baligh.	-	4 (7.0)	21 (36.8)	20 (35.1)	12 (21.1)	3.70	0.89	Tinggi
C8	Saya berpuasa di bulan Ramadan.	-	9 (15.8)	8 (14.0)	20 (35.1)	20 (35.1)	3.89	1.06	Tinggi
C9	Saya membaca al- Quran pada setiap hari.	4 (7.0)	7 (12.3)	27 (47.4)	15 (26.3)	4 (7.0)	3.14	0.97	Tinggi
C10	Saya berusaha memperbanyakkan amalan sunat setiap hari.	2 (3.5)	7 (12.3)	21 (36.8)	16 (28.1)	11 (19.3)	3.47	1.05	Tinggi

### 3. Akhlak

Dapatan dalam jadual 5.3 menunjukkan tahap amalan akhlak responden berada pada tinggi hingga sangat tinggi. Amalan mendoakan ibu bapa dan guru (C14) mencatatkan min tertinggi (4.46), diikuti pemakaian aurat (C13, min=4.12) dan menjauhi perselisihan dengan rakan (C15, min=3.96). Sebaliknya, aspek merahsiakan amalan kebaikan (C12, min=3.65), pemilihan lagu ketuhanan (C16, min=3.54) dan kepatuhan kepada ibu bapa (C11, min=3.40) mencatatkan sisihan piawai yang tinggi. Hal ini menunjukkan kepelbagaian dalam penghayatan.

Jika diteliti, aspek akhlak memperlihatkan dua pola yang berbeza iaitu amalan mendoakan ibu bapa dan guru dan menutup aurat menunjukkan tahap penghayatan yang tinggi. Fakta ini sejajar dengan nilai budaya masyarakat Orang Asli yang masih menekankan kepatuhan kepada ibu bapa dan peranannya dalam konteks pendidikan (Yew Wong Chin et al., 2021). Walaupun demikian, aspek berkaitan hiburan dan kepatuhan tertentu kepada ibu bapa (C11, min=3.40) menunjukkan variasi yang besar, berkemungkinan akibat pengaruh budaya moden dan media popular. Fenomena ini konsisten dengan kajian Nurzatil Ismah Azizan et al., (2021) yang menegaskan bahawa cabaran utama generasi muda Muslim ialah mengintegrasikan nilai Islam dengan persekitaran moden yang lebih bebas dan berorientasikan hiburan. Kesimpulannya, pelajar lebih menekankan nilai akhlak berkaitan penghormatan kepada ibu bapa, guru, dan rakan-rakan. Manakala aspek integrasi nilai Islam dalam aspek hiburan dan kepatuhan tertentu masih memerlukan penekanan dan pencerahan daripada guru.

Jadual 5.3 Tahap Amalan dalam Akhlak

Bil	Tahap Amalan Dalam Akhlak	Frekuensi (Peratusan %)					Min	Sp.	Interpretasi
		STS	TS	KS	S	SS			
C11	Saya mematuhi setiap arahan ibu bapa yang tidak bertentangan dengan Islam.	5 (8.8)	5 (8.8)	21 (36.8)	14 (24.6)	12 (21.1)	3.40	1.18	Tinggi

C12	Saya merahsiakan amalan kebaikan saya daripada pengetahuan orang lain.	-	6 (10.5)	19 (33.3)	21 (36.8)	11 (19.3)	3.65	0.92	Tinggi
C13	Saya menutup aurat kerana mentaati perintah Allah SWT.	-	3 (5.3)	10 (17.5)	21 (36.8)	23 (40.4)	4.12	0.89	Sangat Tinggi
C14	Saya mendoakan kebaikan ibu bapa saya dan semua guru-guru saya.	-	-	7 (12.3)	17 (29.8)	33 (57.9)	4.46	0.71	Sangat Tinggi
C15	Saya berusaha menjauhi perselisihan faham dengan rakan-rakan.	1 (1.8)	2 (3.5)	14 (24.6)	21 (36.8)	19 (33.3)	3.96	0.94	Tinggi
C16	Saya memilih lagu- lagu yang bertemakan ketuhanan untuk dialunkan.	6 (10.5)	1 (1.8)	20 (35.1)	16 (28.1)	14 (24.6)	3.54	1.20	Tinggi

## 5.2 Hubungan Antara Pengetahuan Dan Amalan Religiositi Dalam Kalangan Pelajar Orang Asli

Jadual 5.4 menunjukkan hubungan antara pengetahuan dengan amalan religiositi iaitu akidah, ibadah dan akhlak dalam kalangan pelajar Orang Asli. Berdasarkan analisis korelasi Pearson mendapati nilai korelasi antara konstruk adalah signifikan pada aras 0.01 dan 0.05, sekali gus membuktikan wujud hubungan yang signifikan antara pemboleh ubah. Hasil analisis menunjukkan pengetahuan mempunyai hubungan yang signifikan dengan akidah ( $r = 0.400$ ,  $p = 0.002$ ) iaitu sebanyak 16% varians dalam amalan akidah dapat dijelaskan oleh pengetahuan pelajar. Hubungan yang lebih kukuh didapati antara pengetahuan dengan ibadah ( $r = 0.490$ ,  $p < 0.001$ ) dengan nilai  $r^2 = 0.240$  yang menunjukkan 24% variasi dalam pelaksanaan ibadah dipengaruhi oleh pengetahuan. Hal ini menjadikan ibadah sebagai dimensi yang paling banyak dipengaruhi oleh pengetahuan. Sementara itu, hubungan antara pengetahuan dengan akhlak adalah pada tahap sederhana ( $r = 0.333$ ,  $p = 0.011$ ) iaitu 11.1% varians akhlak dapat dijelaskan oleh pengetahuan. Secara keseluruhannya, dapatan ini menunjukkan pengetahuan agama mempunyai hubungan yang signifikan dengan ketiga-tiga dimensi religiositi walaupun dengan kekuatan yang berbeza. Implikasi kepada peningkatan pengetahuan agama dalam kalangan pelajar Orang Asli berupaya memperkukuh penghayatan religiositi, khususnya dalam aspek ibadah berbanding akidah dan akhlak.

Jadual 5.4 Hubungan antara Pengetahuan dengan Akidah, Ibadah, dan Akhlak

Pemboleh Ubah	N	Min	SP	r	r <sup>2</sup>	Sig
Pengetahuan & Akidah	57	18.8308	7.387	0.400**	0.160	0.002
Pengetahuan & Ibadah	57	19.1441	7.134	0.490**	0.240	0.000
Pengetahuan & Akhlak	57	18.9097	7.130	0.333*	0.111	0.011

$r$  = pekali korelasi Pearson,  $r^2$  = pekali determinasi, \* $p < 0.05$ , \*\* $p < 0.01$

Melalui dapatan ini, aspek pengetahuan agama mempunyai hubungan yang jelas dan signifikan dengan ketiga-tiga dimensi religiositi iaitu akidah, ibadah dan akhlak, walaupun dengan kekuatan hubungan yang berbeza. Hubungan antara pengetahuan dan akidah menggambarkan bahawa penguasaan ilmu agama mampu membantu pelajar memahami asas keimanan dengan lebih kukuh. Dalam hal ini, semakin tinggi pengetahuan pelajar, semakin baik penghayatan mereka terhadap prinsip keimanan. Dapatan ini disokong Arip Surpi Sitompul, (2020); Sitompul, 2020; Syihabuddin & Hikmah Maulani, (2023) bahawa strategi pembelajaran agama yang berkesan dapat memperkukuh penguasaan ilmu pelajar, meningkatkan

penghayatan dan keteguhan keimanan mereka. Walau bagaimanapun, faktor lain selain pengetahuan mungkin turut mempengaruhi tahap akidah seperti persekitaran keluarga, sokongan komuniti dan peranan guru sebagai ikutan yang baik.

Hubungan yang lebih kukuh ditemui antara pengetahuan dan ibadah iaitu sebanyak 24% variasi ibadah dipengaruhi oleh pengetahuan pelajar. Hal ini selari dengan pandangan bahawa penguasaan pengetahuan agama, khususnya berkaitan rukun Islam, tatacara solat dan ibadah harian akan memberi kesan langsung kepada pelaksanaan ibadah. Dapatan ini turut menyokong kajian lepas yang menegaskan bahawa pelajar yang mempunyai asas ilmu agama yang baik lebih berdisiplin dalam menunaikan ibadah wajib dan sunat (Rr. Agung Kesna Mahamaharti & Siti Dinarti, 2024; Sharifah Noorhidayah Syed Aziz et al., 2021). Oleh itu, pengetahuan dapat dianggap sebagai pemangkin utama yang menggerakkan amalan ibadah secara konsisten dalam kalangan pelajar Orang Asli.

Hubungan antara pengetahuan dengan akhlak didapati agak lemah berbanding hubungannya dengan akidah dan ibadah. Hal ini mengisyaratkan bahawa terdapat faktor lain yang lebih dominan seperti pengaruh rakan sebaya, budaya masyarakat setempat dan pengalaman sosial pelajar. Akhlak tidak hanya terbentuk melalui pengetahuan semata-mata, tetapi memerlukan latihan berterusan, penghayatan nilai, dan sokongan persekitaran yang kondusif (Nurzatil Ismah Azizan et al., 2021). Justeru, walaupun pelajar mempunyai pengetahuan agama yang baik, tanpa amalan berterusan dan bimbingan moral penghayatan akhlak mungkin tidak berkembang secara optimum. Secara keseluruhannya, dapatan ini mengesahkan bahawa pengetahuan agama mempunyai hubungan yang signifikan dengan ketiga-tiga aspek religiositi. Namun demikian, impaknya lebih besar terhadap dimensi ibadah berbanding akidah dan akhlak. Implikasi kajian ini menunjukkan bahawa pengukuhan aspek pengetahuan agama dalam kalangan pelajar Orang Asli amat penting sebagai asas kepada peningkatan penghayatan religiositi. Namun begitu, pendekatan pendidikan agama tidak boleh hanya berfokus kepada penguasaan ilmu semata-mata. Sebaliknya perlu disertai dengan amalan berterusan, bimbingan guru dan sokongan keluarga agar dapat memperkukuh ketiga-tiga dimensi religiositi secara seimbang.

### **5.3 Strategi Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam Yang Berkesan Untuk Meningkatkan Penghayatan Religiositi Secara Holistik dan Kontekstual**

Pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam mempunyai matlamat yang jelas merangkumi usaha memberi kefahaman, penghayatan dan pengamalan nilai Islam dalam kehidupan pelajar. Justeru itu, strategi yang digunakan tidak boleh bersifat rutin semata-mata, tetapi harus menekankan pembinaan jiwa dan sahsiah pelajar secara holistik dan berfokus. Pendekatan holistik bermaksud pembangunan pelajar dalam tiga domain utama iaitu kognitif (pengetahuan), afektif (penghayatan) dan psikomotor (amalan). Pengajaran dan pembelajaran secara kontekstual menekankan kebolehan pelajar mengaitkan ilmu dengan pengalaman harian dan cabaran realiti semasa. Dalam konteks ini, terdapat beberapa strategi pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam yang dijangka berkesan untuk meningkatkan penghayatan religiositi pelajar.

#### **1. Pendekatan Berpusatkan Pelajar**

Keberkesanan PdP Pendidikan Islam banyak bergantung kepada keberhasilan pelajar membina kefahaman yang mendalam dan mampu menzahirkan amalan selaras dengan pengetahuan yang diperolehi. Strategi berpusatkan pelajar membolehkan mereka terlibat secara aktif dalam proses pembelajaran melalui

perbincangan, soal jawab, pembelajaran koperatif dan pendekatan inkuiri. Pendekatan ini memberi peluang kepada pelajar untuk meneroka, menilai dan menyelesaikan isu-isu kehidupan dengan berpandukan prinsip Islam. Hal ini selaras dengan prinsip pedagogi moden yang menekankan keaktifan pelajar dalam proses pembelajaran dan memastikan pelajar dapat membentuk sahsiah diri.

## **2. Integrasi Ilmu dan Amalan**

Pengajaran yang berkesan juga harus menghubungkan antara teori dengan praktikal. Pendidikan Islam tidak hanya berfokus pada kefahaman terhadap dalil, hukum dan konsep, tetapi juga penghayatan dalam bentuk amalan. Contohnya dalam pengajaran solat iaitu guru perlu menekankan aspek praktikal melalui latihan amali, bimbingan dan penekanan kepada ibadah. Strategi ini selaras dengan konsep *learning by doing* yang diyakini lebih berkesan dalam membentuk disiplin rohani dan meningkatkan keyakinan pelajar terhadap ibadah. Integrasi ilmu dan amalan turut membantu pelajar menginternalisasi nilai Islam ke dalam gaya hidup mereka seharian. Situasi ini menjadikan ajaran agama Islam bukan hanya sekadar pengetahuan kognitif, tetapi sebagai sistem hidup yang diamalkan.

## **3. Pengajaran Secara Kontekstual dan Realiti Semasa**

Cabaran utama dalam strategi PdP ialah keupayaan guru mengaitkan isi kandungan dengan situasi sebenar pelajar. Pendidikan Islam perlu disampaikan dengan mengambil kira cabaran semasa seperti pengaruh media sosial, budaya popular dan nilai liberal yang kian berkembang. Apabila pelajar melihat kaitan langsung antara pelajaran dengan realiti kehidupan mereka, maka penghayatan nilai Islam akan lebih bermakna dan relevan. Contohnya dalam pengajaran akhlak iaitu guru boleh membincangkan isu tidak menghormati ibu bapa, merosakkan alam sekitar dan budaya membuang masa. Kemudian guru mengaitkan dengan ajaran Islam tentang adab, kawalan diri dan tanggungjawab sosial. Strategi ini bukan sahaja menjadikan pembelajaran lebih kontekstual tetapi mampu membina kemahiran kritis dalam menilai cabaran persekitaran melalui perspektif Islam.

## **4. Penggunaan Teknologi dan Sumber Multimedia**

Dalam era Revolusi Industri 4.0, strategi pengajaran yang berkesan perlu melibatkan penggunaan teknologi dan sumber multimedia yang interaktif. Aplikasi digital, simulasi ibadah, dokumentari Islamik dan bahan multimedia interaktif dapat merangsang minat serta meningkatkan kefahaman pelajar terhadap kandungan pelajaran. Contohnya dalam penggunaan aplikasi al-Quran digital dengan tafsir interaktif, platform e-pembelajaran Islam dan forum maya berasaskan nilai boleh memperluas ruang pelajar untuk menghayati Islam secara lebih mendalam. Walau bagaimanapun, penggunaan teknologi harus dipandu dengan adab supaya tidak menjadi sekadar alat hiburan semata tetapi sebagai wahana dakwah dan pendidikan yang membina rohani.

## **5. Peranan Guru sebagai Qudwah Hasanah**

Guru dalam Pendidikan Islam bukan sahaja berfungsi sebagai penyampai ilmu, tetapi sebagai model yang hidup (*living model*). Personaliti, akhla, dan komitmen guru memberi kesan langsung terhadap proses penghayatan religiositi pelajar. Sebagaimana prinsip *al-tarbiyah bi al-qudwah*, keberkesanan pengajaran banyak bergantung sejauh mana guru menunjukkan kesungguhan mengamalkan ajaran Islam dalam kehidupan seharian. Pelajar yang melihat guru mereka istiqamah dalam ibadah, berakhlak mulia, dan berintegriti akan lebih terdorong untuk mencontohi

sikap tersebut. Oleh itu, strategi pengajaran yang berkesan tidak boleh dipisahkan daripada faktor keteladanan guru sebagai pembimbing rohani dan adab.

## **6. Penglibatan Keluarga dan Komuniti**

Strategi PdP Pendidikan Islam tidak wajar dibatasi oleh ruang bilik darjah semata-mata. Sokongan keluarga dan komuniti amat penting bagi memastikan penghayatan religiositi berkembang dalam persekitaran yang kondusif. Ibu bapa yang menekankan amalan solat berjemaah, membaca al-Quran secara jama'i dan melibatkan anak-anak dalam aktiviti masjid dapat mengukuhkan lagi kesan pembelajaran formal di sekolah. Selain itu, komuniti setempat yang menyediakan program keagamaan seperti ceramah, gotong-royong masjid dan aktiviti kemasyarakatan berteraskan Islam turut berperanan membina budaya religiositi yang menyokong pendidikan holistik pelajar.

## **6.0 KESIMPULAN**

Secara keseluruhannya, tahap amalan religiositi pelajar Orang Asli berada pada tahap yang baik khususnya dalam aspek akidah yang menunjukkan keyakinan yang kukuh terhadap tauhid. Namun demikian, wujud jurang antara kepercayaan dan amalan terutamanya dalam aspek ibadah sunat dan penghayatan akhlak yang dipengaruhi budaya moden. Hubungan pengetahuan agama dan amalan menunjukkan korelasi yang signifikan, khususnya terhadap ibadah. Walaupun ilmu agama menjadi asas utama, ianya tidak mencukupi tanpa sokongan daripada faktor persekitaran seperti keluarga, komuniti dan teladan guru bagi membentuk penghayatan pelajar secara menyeluruh. Sehubungan itu, strategi PdP Pendidikan Islam perlu holistik dan kontekstual yang berteraskan integrasi ilmu, amalan dan nilai. Pengajaran berpusatkan pelajar, penggunaan teknologi, peranan guru sebagai *qudwah* dan penglibatan keluarga dan komuniti menjadi kunci untuk memperkukuh penghayatan religiositi pelajar Orang Asli.

## **7.0 KONFLIK KEPENTINGAN**

Pengkaji dengan ini mengisytiharkan bahawa mereka tidak mempunyai sebarang kepentingan kewangan atau peribadi yang boleh dianggap mempengaruhi secara tidak wajar dalam penulisan artikel ini.

## **8.0 PENGHARGAAN**

Pengkaji ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Universiti Islam Selangor (UIS), Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (RIMC) atas kelulusan geran penyelidikan dan rakan rakan penyelidik atas sokongan yang berharga sepanjang proses penyelidikan dijalankan.

## **9.0 SUMBANGAN PENULIS**

Artikel ini adalah hasil sumbangan saintifik yang signifikan dalam penyelidikan yang dilakukan oleh tiga pengarang. Haslina Binti Hamzah, Dr Haswa Niza Binti Abdullah dan Dr Kamarulnizam Bin Sani. Mereka bersama sama terlibat dalam mengumpul dan menganalisis data, melakukan semakan dan penyuntingan dan

memastikan metodologi yang digunakan adalah sesuai dan mencapai objektif penulisan.

## 10.0 BIBLIOGRAFI

- Abdul Rashid Moten, & Saodah Wok. (2019). Religiosity of Malays Living in Malaysian Rural Areas: An Analytical Survey. *International Journal of Islamic Thought*, 15, 1–16. <https://doi.org/10.24035/ijit.15.2019.001>
- Aemy Liza Minhat, & Kamarul Azmi Jasmi. (2023). Nilai-Nilai Murni Dalam Pentaksiran Berasaskan Sekolah Pendidikan Islam. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development*, 8(56 (September)), 186–200. <https://doi.org/10.55573/JISED.085618>
- Ahmad Munawar Ismail. (2009). Pengaruh Akidah Terhadap Penghayatan Akhlak Pelajar-Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Di Malaysia. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Arip Surpi Sitompul. (2020). Correlation And Integration Between Faith, Knowledge And Behavior. *International Conference of Global Education and Society Science (ICOGESS 2019)*. <https://doi.org/10.4108/eai.14-3-2019.2291963>
- Aswansyah, & Supian Hadi. (2024). Challenges Faced by Islamic Education Teachers in Implementing the Independent Curriculum Teaching Modules. *Journal on Education*, 06(04), 20751–20759.
- Creswell, J. W. (2014). *Research Design: Qualitative, Quantitative, and Mixed Methods Approaches*. In Sage (4th ed., Vol. 3). Sage Publications Ltd. <https://doi.org/10.1007/s13398-014-0173-7.2>
- Field, A., Miles, J., & Field, Z. (2013). *Discovering Statistics Using SPSS*. In Sage (Vol. 81, Issue 1). [https://doi.org/10.1111/insr.12011\\_21](https://doi.org/10.1111/insr.12011_21)
- Intan Waheedah Othman. (2022). Educating Orang Asli Students: The Challenges Towards Achieving the Malaysian Sustainable Education Agenda. *Jurnal Intelek*, 17(1), 1. <https://doi.org/10.24191/ji.v17i1.15845>
- Khairul Hamimah Mohd Jodi. (2024). Cabaran Melestarikan Praktikal Islam Dalam Kehidupan Seharian Masyarakat Orang Asli Jahai Di Tasik Banding, Perak. In *Pendidikan Islam dan Pembangunan Lestari* (Issue Januari, pp. 195–212).
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). Determining Sample Size For Research Activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30, 607–610.
- M Sukron Djazilan, & Wuri Wuryandani. (2024). Building Character Together: The Synergistic Role of Parents and Communities in Shaping School Values. *Child Education Journal*, 6(3), 119–128. <https://doi.org/10.33086/cej.v6i3.6692>
- Nazneen Ismail, Norul Huda Bakar, Mariam Abd. Majid, & Hasnan Kasan. (2019). Pengamalan Hidup Beragama Dalam Kalangan Mahasiswa Institut Pengajian Tinggi Islam di Malaysia. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 4(2), 78–93.
- Neuman, W. L. (2014). *Social Research Methods: Qualitative And Quantitative Approaches* (7th ed.). Pearson Education Limited.
- Nordiana Daud, & Mohd Syaubari Othman. (2025). Faktor Keciciran Murid Orang Asli Temiar Dalam Pendidikan Di Sekolah Menengah Daerah Kecil Sungai Siput (U), Perak. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 10(57), 624–643.
- Nur Bakri Abd Hamid, & Naufal Ahmad Rajalul Alam. (2022). The Educational Orientation of Malaysia: The P.I.E.S Element of a Balanced Person in The National Education Philosophy (NEP). *Idarah (Jurnal Pendidikan Dan Kependidikan)*, 6(2), 143–156. <https://doi.org/10.47766/idarah.v6i2.963>

- Nursafra Mohd Zhaffar, Norwati Abu Bakar, & Nurul Asiah Fasehah Muhamad. (2025). Modeling Strategies in Teaching Critical Thinking in Islamic Education. *Akademika*, 95(01), 260–276. <https://doi.org/10.17576/akad-2025-9501-15>
- Nurul Ainie Nawawi, Siti Jamiyah Abdul Jalil, & Fariza Md Sham. (2022). Pengamalan Agama Berdasarkan Konsep Al-Falah Terhadap Remaja. *Jurnal Pengajian Islam*, 15(1), 11–28.
- Nurzatil Ismah Azizan, Nazneen Ismail, Siti Mursyidah Mohd Zin, & Nur Fatimah Zainuddin. (2021). Cabaran Membentuk Akhlak Remaja Melalui Persekitaran Sosial Dan Perkembangan Teknologi. *Jurnal Pengajian Islam*, 14(1), 118–129.
- Paiz Hassan, Mohd Anuar Ramli, Muhammad Yusri Yusof, Mohd Zahirwan Halim Zainal Abidin, Muhd Imran Razak, Abd Munir Mohamed Noh, & Hamdi Rahman Mohd Yaacob. (2023). Konsep Asas Taysir Dalam Menangani Isu Fiqh Masyarakat Islam Orang Asli. *Journal of Islamic Philanthropy & Social Finance (JIPSF)*, 5(2), 154–162. <https://doi.org/10.24191/JIPSF/v5n22023>
- Riyanda Utari. (2021). Self Regulation pada Remaja dalam Perspektif Islam. *Bayani*, 1(1), 43–51. <https://doi.org/10.52496/bayaniv.1i.1pp43-51>
- Rr. Agung Kesna Mahamaharti, & Siti Dinarti. (2024). Differences in self-discipline between general primary school students and religious-based schools: A comparative study. *International Journal of Trends in Mathematics Education Research*, 7(1), 11–17. <https://doi.org/10.33122/ijtmer.v7i1.317>
- Sabitha Marican. (2006). Penyelidikan Sains Sosial: Pendekatan Pragmatik. Edusystem.
- Sharifah Noorhidayah Syed Aziz, Khairul Anwar @ Johari Mastor, & Izuli Dzulkifli. (2021). Pelaksanaan Amalan Sunat dan Hubungannya dengan Kecemerlangan Sahsiah Pelajar Tahfiz di Selangor. *Jurnal Pengajian Islam*, 14(1), 77–90.
- Sitompul, A. (2020). Correlation And Integration Between Faith, Knowledge And Behavior. <https://doi.org/10.4108/eai.14-3-2019.2291963>
- Syihabuddin, & Hikmah Maulani. (2023). Student Strategies in Understanding Content Knowledge of Religious Moderation Based on Academic Background. *EDURELIGIA: Jurnal Pendidikan Agama Islam*, 7(2), 137–149. <https://doi.org/10.33650/edureligia.v7i2.6575>
- Wan Nor Hana Wan Ismail, Intan Farhana Sapparudin, & Ahmad Sharifuddin Mustafa. (2024). Amalan Beragama Orang Asli Muslim di Semenanjung Malaysia: Kajian Analisis Bibliometrik. *Journal of Quranic Sciences and Research*, 5(1), 12.
- Yew Wong Chin, Saiful Farisin Md Ramlan, Mohd Rusydi Ahmad, Norhayati Ab Manaf, Novel Lyndon, & Lim Jie Wei. (2021). Persepsi Ibu Papa Orang Asli Terhadap Pengalaman Pendidikan Anak-anak Orang Asli di Sekolah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(12), 24–39. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i12.1199>
- Zaifuddin Md Rasip, Rahayu Handan, Mohd Zulfahmi Mohamad, & Amer Hudhaifah Hamzah. (2025). Challenges of Religious Integration among Indigenous Muslim Converts (Mualaf) in Sabah, Malaysia. *International Journal Of Research And Innovation In Social Science (IJRISS)*, IX(V), 605–618. <https://doi.org/10.47772/IJRISS>
- Zulkefli Aini, & Nor Izzatul Husna Burhan. (2023). Application of Fuzzy Delphi Techniques to the Spiritual Development Needs of Aboriginal Peoples Preachers. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 13(11), 2740–2757. <https://doi.org/10.6007/ijarbss/v13-i11/19748>
- Zuraidah Siti Nafsiah Mohd Shahril Nizam & Muhammad Faizal. (2019). Pengaruh Pembelajaran Akademik Anak-anak Keluarga Fakir Miskin Di Sekolah-sekolah Selangor. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 6(2), 44–70.

Zurina Mustaffa, Zaharah Hussin, & Abdul Muhsien Sulaiman. (2021). Tahap Pengetahuan Kurikulum dan Amalan Pedagogi Terbeza Guru-Guru Pendidikan Islam Zon Selatan Malaysia. *Tinta Artikulasi Membina Ummah*, 7(2), 2021–2022.